



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 5 /2023

## KEWAJIPAN SEMBAHYANG

## LIMA WAKTU

**5 Rejab 1444 H**

*Bersamaan*

**27 Januari 2023**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

### **PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ عَلَى جَمِيعِ الْمُكَلَّفِينَ  
وَجَعَلَهَا عِمَادَ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ – فِيَ عِبَادَ اللَّهِ ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.**

Marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kepada Allah SWT dengan memastikan segala suruhan-Nya dilaksanakan dan segala larangan-nya ditinggalkan. Antara suruhan yang wajib dilaksanakan dan haram diabaikan ialah sembahyang fardu lima waktu.

Bersempena Bulan Penghayatan Ibadat Solat pada tahun ini, mimbar yang mulia pada hari penuh berkat ini membawa khutbah bertajuk:

**“Kewajipan Sembahyang Lima Waktu”.**

## **Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,**

Di antara perkara penting yang berlaku di bulan Rejab ialah perintah mendirikan sembahyang lima waktu. Perintah ini diterima ketika baginda dijemput mengadap Allah SWT, di tempat yang paling tinggi, yang tidak mampu dicapai walaupun oleh para Malaikat dan Rasul yang lain.

Kita seharusnya menginsafi bahawa sembahyang merupakan suatu kurniaan Allah SWT yang agung kepada hamba-hambaNya. Ia merupakan suatu ibadat yang menghubungkan seseorang hamba dengan TuhanYa secara langsung dan satu nikmat yang sangat besar bagi sesiapa yang menunaikan dengan khusyuk dan tawaduk.

### **Muslimin sidang Jumaat sekalian**

Sembahyang lima waktu menjadi rukun islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah, iaitu selepas seseorang itu mengaku sebagai seorang islam; perkara kedua yang wajib dilakukan ialah menyembah Allah SWT, bermunajat kepadaNya dengan mengerjakan sembahyang di dalam waktu-waktu yang ditetapkan, sehingga menjadi seseorang yang beriman itu tidak putus-putus berhubung dengan TuhanYa.

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa : ayat 103 :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

**Maksudnya** : Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Sembahyang yang diwajibkan di dalam waktu yang tertentu itu hanya mengambil masa beberapa minit sahaja untuk dilakukan, berbanding dengan

masa hidup manusia seharian untuk bekerja mencari rezeki dan berehat. Oleh itu , wajib ke atas manusia bersyukur kepada Allah SWT. Dengan luang masa yang luas, hendaklah digunakan untuk mencari keredhaan Allah SWT dan jangan sekali-kali melakukan perkara yang dimurkai olehNya.

Oleh kerana begitu luas masa manusia untuk mencari kehidupan di dunia, ditambah pula banyak perkara lalai yang dilakukan, maka dengan adanya solat sembahyang lima waktu, dapatlah manusia bertaubat dan menyesal daripadanya. Oleh kerana itu, sembahyang lima waktu dapat mencegah manusia daripada kejahanatan dan kemungkaran.

Firman Allah SWT Surah al-Ankabut ayat 45 :

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

**Maksudnya** : Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah daripada perbuatan-perbuatan keji dan mungkar.

### **Muslimim sidang Jumaat yang dikasihi**

Di dalam sembahyang seseorang itu memohon ke hadhrat Allah SWT agar dikurniakan kepadanya jalan yang betul, jalan yang dilalui oleh para nabi dan para rasul Alaihimus Salam<sup>السَّلَامُ عَلَيْهِمْ</sup> ، jalan orang-orang yang membenarkan semua ajaran yang dibawa oleh rasul, jalan para syuhada (orang-orang yang mati pada jalan Allah) dan jalan orang-orang yang soleh.

Permohonan ini amat perlu kepada setiap orang yang beriman, kerana terlalu banyak jalan dan ideologi sesat yang dicipta oleh manusia menurut akal dan hawa nafsu mereka sendiri. Di dalam sembahyang, kita perlu berlindung

dengan Allah daripada jalan yang dimurkai oleh Allah, iaitu jalan orang-orang Yahudi. Mereka mengetahui jalan yang benar tetapi tidak mengikuti jalan tersebut. Kita juga berlindung daripada jalan orang-orang yang sesat, iaitu jalan orang-orang Nasrani yang langsung tidak mengenali kebenaran menyebabkan mereka sesat di dalam kesesatan yang jauh.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat : 45-46 :

وَاسْتَعِنُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِلَّا عَلَى الْخَسِيرِينَ ﴿٤٥﴾

مُلْقُوا إِلَيْهِمْ وَأَنْهُمْ إِلَيْهِ رَجُعُونَ ﴿٤٦﴾

**Maksudnya:** Dan mintalah pertolongan dengan jalan sabar dan mengerjakan solat, dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali orang yang khusuk. (laitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya.

Itulah antara hikmah mengapa Allah SWT mewajibkan sembahyang lima waktu. Seterusnya Rasulullah SAW memerintah ibubapa supaya mendidik anak-anak mereka dengan mendirikan sembahyang sebagaimana sabdanya :

مُرُوا صِبِيَانَكُمْ بِالصَّلَاةِ لِسَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا لِعَشْرِ سِنِينَ،  
وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

(رواية احمد وابي داود)

**Maksudnya :** Suruhlah anak-anak kamu sembahyang apabila mereka berumur tujuh tahun, pukullah mereka (apabila tidak sembahyang) apabila berumur sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka di dalam tempat tidur.

Hikmahnya ialah supaya kanak-kanak biasa dengan sembahyang dari kecil lagi dan apabila telah dewasa mereka terus mengerjakannya dengan ikhlas dan penuh khusyuk , sehingga berjaya mendapat manfaat dan hikmah daripada sembahyang yang dilakukan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَبَعُوا أَسْبُلَ فَنَرَقَ بِكُمْ عَنْ

سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

153

**Maksudnya :** Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Surah al-An-am Ayat : 153)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسِلِّمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فِي عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتِهِ يُصْلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّلُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوةً عَلَيْهِ وَسَلَامًا ۝

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَواتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ。 اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أُولَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ  
مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejilan dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُوكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّوكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.

